BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 10/05/54 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Jumaat, 28 Oktober 2005

Perkembangan Monetari dan Kewangan pada bulan September 2005
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

Aktiviti pembiayaan oleh sektor swasta lebih tinggi

Pembiayaan kepada sektor swasta meningkat pada bulan September. Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul tumbuh pada kadar tahunan 9.2% pada akhir bulan September, manakala jumlah pinjaman bank terkumpul juga meningkat 9.2% pada asas tahunan. Pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) khususnya, terus kukuh seperti dicerminkan oleh pertumbuhan tahunan jumlah pinjaman terkumpul kepada PKS yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 9.8% pada bulan itu. Nsbah pinjaman tidak berbayar bersih sistem perbankan berdasarkan klasifikasi 6 bulan pula terus menurun kepada 4.8% pada bulan September.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 10/05/54 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Jumaat, 28 Oktober 2005

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN SEPTEMBER 2005

Aktiviti pembiayaan oleh sektor swasta lebih tinggi

Pembiayaan kepada sektor swasta meningkat pada bulan September. Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul tumbuh pada kadar tahunan 9.2% pada akhir bulan September, manakala jumlah pinjaman bank terkumpul juga meningkat 9.2% pada asas tahunan. Pinjaman terkumpul kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mencatat pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 9.8%.

Pada tempoh 1 September - 27 Oktober, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil untuk berpurata pada 2.69%, manakala kadar antara bank 1 bulan dan 3 bulan naik sedikit. Dalam pasaran runcit, kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan dan syarikat kewangan secara relatif stabil, masing-masing pada 5.90% dan 8.70%.

Pada tempoh 1 September - 27 Oktober, ringgit mencatat prestasi yang bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama dan serantau. Dolar Amerika Syarikat (USD) menambah nilai berbanding dengan ringgit, manakala euro dan yen pula menyusut nilai berbanding dengan ringgit.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, menjadi sederhana kepada 3.4% pada bulan September, disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga minuman dan keluaran tembakau yang lebih perlahan. Inflasi harga pengeluar pula meningkat pada bulan Ogos, dengan Indeks Harga Pengeluar naik 9% pada asas tahunan.

Kadar pertumbuhan agregat monetari rendah sedikit pada bulan September. Wang secara kecil atau M1, dan wang secara luas atau M3, masing-masing berkembang pada kadar tahunan 9.9% dan 10.9% pada akhir bulan September. Pertumbuhan M3 disebabkan oleh pengembangan dalam kredit sistem perbankan yang meningkat 9.2%.

Dalam pasaran modal, dana bersih yang diperoleh adalah lebih tinggi pada RM6.8 bilion pada bulan itu, terutamanya hasil daripada dana yang diperoleh sektor swasta dan awam melalui terbitan hutang. Terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) bersih berjumlah RM3.8 bilion, terutamanya berikutan terbitan oleh syarikat dalam sektor kewangan dan bekalan air.

Sistem perbankan kekal kukuh, dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) masih tinggi pada 13.3% dan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun kepada 4.8%.

Kadar faedah secara relatif kekal stabil

Sepanjang tempoh 1 September – 27 Oktober, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 2.69% - 2.73%, dan berpurata 2.69%. Sementara itu, kadar purata antara bank bagi tempoh 1 bulan dan 3 bulan meningkat sedikit, mencerminkan jangkaan bahawa kadar faedah akan naik pada masa hadapan. Kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah. ALR bank perdagangan dan syarikat kewangan pula secara relatif kekal stabil, masing-masing pada 5.90% dan 8.70% (masing-masing 5.91% dan 8.72% pada akhir bulan Ogos).



Kadar antara bank semalaman stabil



Kadar antara bank bagi tempoh 1 bulan dan 3 bulan naik sedikit pada bulan September



Operasi mudah tunai mengembang pada bulan September



ALR bank perdagangan dan syarikat kewangan stabil



Nisbah pembiayaan-deposit terus meningkat dengan sederhana

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Ogos 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
Sep 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
21 Okt 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70

Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Syarikat Kewangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Ogos 05	3.00	3.00	3.00	3.03	3.70
Sep 05	3.00	3.00	3.00	3.03	3.70
21 Okt 05	3.00	3.00	3.00	3.03	3.70

Kadar deposit tetap syarikat kewangan kekal tidak berubah

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Kadar deposit tetap benar 3 bulan bertambah baik pada bulan September kerana penurunan inflasi

Prestasi ringgit

Pada tempoh 1 September – 27 Oktober, ringgit mencatat prestasi yang bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama dan serantau. USD menambah nilai berbanding dengan ringgit berikutan jangkaan umum bahawa kadar faedah Amerika Syarikat akan meningkat lagi. Euro menyusut nilai berbanding dengan ringgit disebabkan kebimbangan bahawa keadaan selepas pilihan raya di Jerman akan mengendalakan reformasi ekonomi. Yen juga menyusut nilai berbanding dengan ringgit dalam keadaan harga minyak yang tinggi. Mata wang serantau terpilih bertambah kukuh berbanding dengan ringgit, manakala dolar Singapura dan won Korea bertambah lemah berbanding dengan ringgit.





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Akhir tempoh				% Perubahan	
	Dis. 04	Ogos 05	Sept. 05	27 Okt. 2005	Akhir Dis. 04 - 27 Okt. 2005	Akhir Ogos 05 - 27 Okt. 2005
Dolar AS	3.8000	3.7698	3.7692	3.7750	0.7	-0.1
Euro	5.1729	4.6027	4.5421	4.5725	13.1	0.7
Paun sterling	7.3169	6.7605	6.6438	6.7333	8.7	0.4
100 yen Jepun	3.7026	3.3985	3.3359	3.2697	13.2	3.9
Dolar Singapura	2.3258	2.2395	2.2315	2.2337	4.1	0.3
100 baht Thai	9.7636	9.1178	9.1988	9.2513	5.5	-1.4
100 peso Filipina	6.7706	6.7098	6.7262	6.8565	-1.3	-2.1
100 rupiah Indonesia	0.0408	0.0346	0.0366	0.0379	7.9	-8.6
100 won Korea	0.3671	0.3648	0.3619	0.3615	1.6	0.9
Renminbi China	0.4591	0.4657	0.4669	0.4678	-1.8	-0.4

Inflasi sederhana pada bulan September

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 3.4% pada bulan September (Ogos: 3.7%). Penyederhanaan inflasi pada bulan itu disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih perlahan bagi kategori minuman dan tembakau. Ini disebabkan oleh berakhirnya kesan pelarasan harga yang dilaksanakan pada bulan September 2004, berikutan kenaikan duti eksais atas barangan ini semasa Bajet 2005. IHP bagi kategori makanan, pengangkutan dan hiasan dalaman rumah meningkat, manakala harga bagi kategori pakaian dan kasut terus mengalami penurunan, walaupun pada kadar yang lebih perlahan. Harga bagi barangan dan perkhidmatan lain dalam IHP secara relatif adalah stabil.



Inflasi menjadi sederhana kepada 3.4% pada bulan September

Inflasi harga pengeluar terus meningkat

Pertumbuhan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat kepada 9% pada bulan Ogos (Julai: 8.6%). Ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga minyak mentah yang berterusan dan harga getah yang lebih tinggi, yang lebih daripada mengimbangi kemerosotan dalam harga minyak sawit mentah. Walau bagaimanapun, tidak termasuk harga komoditi, inflasi IHPR menjadi sederhana kepada 2.1% (Julai: 2.8%), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam harga makanan dan binatang hidup serta barangan perkilangan.



Inflasi IHPR terus meningkat

Agregat monetari mencatat kadar pertumbuhan lebih rendah sedikit

Pada bulan September, wang secara kecil atau M1, yang merupakan baki urus niaga, dan wang secara luas atau M3, masing-masing berkembang pada kadar tahunan 9.9% dan 10.9% (Ogos: masing-masing 12.2% dan 12.3%). Pada asas bulanan, M3 meningkat RM1.2 bilion disebabkan terutamanya oleh tuntutan terhadap sektor swasta yang lebih tinggi. Operasi luar negeri bersih menguncup disebabkan terutamanya oleh kedudukan aset luar negeri bersih sistem perbankan yang lebih rendah. Tuntutan bersih terhadap Kerajaan juga menguncup kerana Kerajaan menyimpan hasil daripada dua terbitan MGS yang dbuka semula dengan Bank Negara Malaysia.

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**Ogos 05**	**Sep 05**	**Jan-Sep 05**
M3	68.0	6.6	1.2	38.9
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	38.1	-2.1	-1.2	-18.1
Tuntutan terhadap sektor swasta	-9.5	4.7	9.7	30.1
Pinjaman	*82.0*	*5.3*	*8.8*	*36.4*
Sekuriti	*90.0*	*-0.6*	*0.9*	*-6.3*
Operasi luar negeri bersih *	-8.0	1.8	-9.0	40.3
Pengaruh lain	-28.3	2.1	1.7	-13.4

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit sistem perbankan terus meningkat pada bulan September

Pada bulan September, jumlah deposit yang digembleng oleh sistem perbankan meningkat RM3.6 bilion atau pada kadar tahunan 13.4% (Ogos: +RM8.5 bilion atau 14.8%). Peningkatan pada bulan September disebabkan terutamanya oleh penempatan deposit yang lebih tinggi oleh individu, perusahaan perniagaan tempatan dan entiti tempatan lain. Dari segi jenis deposit, pengurangan perjanjian pembelian semula dan peningkatan instrumen deposit boleh niaga, deposit mata wang asing dan deposit perbankan Islam dicatat terutamanya oleh perusahaan perniagaan tempatan.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 05	**Jul 05**	**Ogos 05**	**Sep 05**
Kerajaan Persekutuan	968	-312	140	147
Kerajaan Negeri	219	182	297	-14
Badan Berkanun [1]	386	-657	2	-99
Institusi Kewangan	802	-1,912	-884	-371
Perusahaan Perniagaan	-1,091	-1,567	8,343	709
Individu	1,248	539	1,062	1,281
Lain-lain [2]	23	13	-507	1,953
Jumlah	2,555	-3,714	8,454	3,607

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 05	**Jul 05**	**Ogos 05**	**Sep 05**
Deposit tetap	-2,003	2,190	3,540	-592
NID	3,049	-6,344	3,058	5,333
Deposit permintaan	3,042	-1,671	316	871
Deposit tabungan	342	-230	-160	206
Perjanjian beli balik (Repo)	612	2,739	1,624	-5,808
Deposit mata wang asing	-3,379	-1,252	-147	2,015
Deposit SPI	347	717	94	1,346
Lain-lain	546	137	130	237
Jumlah	2,555	-3,714	8,454	3,607

Pembiayaan kepada sektor swasta lebih tinggi pada bulan September

Pada bulan September, pembiayaan kasar sektor swasta oleh sektor perbankan dan pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM53.5 bilion (Ogos: RM45.6 bilion) dan berkembang pada kadar tahunan 13.3% (Ogos: 13.8%). Pembiayaan yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi sebanyak RM49.4 bilion (Ogos: RM43.9 bilion). Pada asas bersih, pembiayaan kepada sektor swasta (pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul) meningkat pada kadar tahunan 9.2% (Ogos: 8.9%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat lagi pada bulan September dengan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi



Pada bulan September, jumlah kelulusan pinjaman meningkat, manakala permohonan pinjaman menurun sedikit

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Perubahan Tahunan (%)	
	Ogos	September	Ogos	September
Jumlah				
Permohonan pinjaman	29.1	27.5	11.0	9.3
Kelulusan pinjaman	18.2	19.1	27.1	21.0
Pengeluaran pinjaman	43.9	49.4	13.7	15.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	5.2	8.4	8.9	9.2
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	15.8	12.9	0.0	-8.8
Kelulusan pinjaman	9.1	9.6	25.1	35.4
Pengeluaran pinjaman	29.5	34.3	12.6	17.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.0	5.3	3.0	3.9
PKS				
Permohonan pinjaman	6.3	5.1	23.1	1.6
Kelulusan pinjaman	3.8	4.0	39.8	25.7
Pengeluaran pinjaman	9.6	10.1	18.4	17.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.0	1.4	9.2	9.8
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	12.7	13.6	26.5	28.0
Kelulusan pinjaman	9.0	8.7	26.9	2.0
Pengeluaran pinjaman	12.6	12.9	14.6	13.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.9	3.8	15.0	14.9

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh

Kelulusan dan pengeluaran pinjaman perniagaan lebih tinggi



Pengeluaran pinjaman kekal meliputi kesemua sektor

Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan lebih tinggi pada bulan September, pada RM34.3 bilion, dan mengembang pada kadar tahunan 17.7%. Kenaikan dalam pinjaman yang dikeluarkan amat ketara dalam sektor perniagaan elektrik, gas dan air; pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; dan perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel. Kelulusan pinjaman kepada sektor perniagaan juga lebih tinggi pada asas bulanan dan tahunan, manakala permohonan pinjaman pula lebih rendah. Sementara itu, kesemua penunjuk pinjaman bagi sektor isi rumah secara relatif adalah stabil.

Dalam keadaan pengeluaran pinjaman yang lebih kukuh dan pembayaran balik yang secara relatif stabil, pinjaman terkumpul meningkat RM8.4 bilion atau pada kadar tahunan 9.2% (RM5.2 bilion atau 8.9% pada bulan Ogos). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar tahunan 3.9% (Ogos: 3%), sementara pertumbuhan dalam pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah secara relatif kekal stabil pada 14.9% (Ogos: 15%). Pertumbuhan dalam pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan disokong oleh perusahaan perniagaan yang lebih besar dan PKS. Pinjaman terkumpul kepada PKS meningkat 9.8% (Ogos: 9.2%).

Dana yang diperoleh daripada pasaran modal lebih tinggi

Pada asas bersih, jumlah yang lebih tinggi, iaitu sebanyak RM6.8 bilion telah diperoleh daripada pasaran modal pada bulan September, sebahagian besarnya mencerminkan dana yang diperoleh sektor swasta dan awam melalui terbitan hutang. Terbitan bersih sekuriti hutang swasta (PDS) yang diterbitkan terutamanya oleh syarikat dalam sektor kewangan dan bekalan air berjumlah RM3.8 bilion. Pada asas bersih, sektor awam memperoleh RM2.7 bilion daripada pembukaan semula terbitan MGS 3 tahun dan 10 tahun. Dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti meningkat kepada RM216 juta.



* Termasuk nota jangka pertengahan

Pada bulan September, dana yang diperoleh lebih tinggi,khususnya melalui pasaran hutang.

KLCI bertambah baik sedikit pada bulan September berikutan minat pembelian baru

Pada separuh pertama bulan September, kebimbangan tentang inflasi domestik yang semakin meningkat dan perkembangan korporat yang tidak menggalakkan telah menjejaskan sentimen dalam bursa tempatan. Walau bagaimanapun, harga minyak dunia yang semakin menurun pada bulan itu dan jangkaan yang positif terhadap Bajet 2006 menaikkan sentimen pasaran menjelang akhir bulan. Hasilnya, KLCI ditutup lebih tinggi pada 927.54 (sejak akhir bulan Ogos: 1.5%). Permodalan pasaran meningkat kepada RM715.3 bilion (sejak akhir bulan Ogos: 1.3%). Urus niaga purata harian pada bulan itu lebih rendah pada 408.2 juta unit (Ogos: 410.1 juta unit).



KLCI merosot pada empat minggu pertama bulan Oktober

Pasaran merosot pada empat minggu pertama bulan Oktober. Kebimbangan tentang inflasi yang semakin meningkat, harga minyak dunia yang lebih tinggi dan perolehan korporat yang lebih rendah masih berterusan dan telah mengimbangi keuntungan daripada sentimen yang bertambah baik hasil pembentangan Bajet 2006. Pada 27 Oktober, KLCI ditutup pada 904.46 (sejak akhir bulan September:

-2.5%) dengan permodalan pasaran pada RM698.45 bilion (sejak akhir bulan September: -2.4%). Dagangan juga merosot dengan urus niaga purata harian pada 376 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM302.7 bilion atau bersamaan USD80.3 bilion pada 30 September 2005. Paras rizab juga telah mengambil kira pelarasan suku tahunan kerugian penilaian semula pertukaran asing, berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama. Rizab berjumlah RM299.3 bilion atau bersamaan USD79.4 bilion pada 14 Oktober 2005. Kedudukan rizab itu memadai untuk membiayai 8.9 bulan import tertangguh dan ialah 5.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Kekukuhan sistem perbankan terus kekal

Permodalan sistem perbankan kekal pada paras yang kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 13.3% dan 10.6% pada akhir bulan September 2005. Nisbah modal merosot sedikit disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam aset wajaran risiko. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan terus menurun kepada 4.8%, seiring dengan nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan yang bertambah baik kepada 6.1%. Ini disebabkan sebahagian besarnya oleh penghapuskiraan yang berterusan oleh beberapa institusi perbankan.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh								
	1999	2000	2001	2002	2003	Dis 04	Jul 05	Ogos 05	Sep 05
Modal (%)									
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.3	10.5	10.9	10.6
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.3	13.4	13.6	13.3
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)									
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	6.9	7.5	6.8	5.8	5.0	4.9	4.8
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,630	25,709	25,464	25,468
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.

* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.

Penunjuk Kekukuhan Modal



Paras permodalan sistem perbankan merosot tetapi kekal tinggi…

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



…manakala paras NPL terus bertambah baik

Bank Negara Malaysia

28 Oktober 2005

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jul 05		Ogos 05		Sep 05	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		51.0	7.8	50.8	7.1	52.1	10.6
M1		117.0	12.5	118.7	12.2	118.0	9.9
M2		587.8	30.3	597.5	27.9	600.5	24.2
M3		648.8	11.6	655.4	12.3	656.6	10.9
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		664.9	13.9	673.4	14.8	677.0	13.4
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		534.4	8.7	539.6	8.9	548.0	9.2
Nisbah pinjaman-deposit (%)		77.1		77.0		77.9	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		84.9		84.7		85.6	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		27.3	8.9	29.1	11.0	27.5	9.3
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		18.2	10.6	18.2	27.1	19.1	21.0
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		41.7	1.3	43.9	13.7	49.4	15.3
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		41.3	-4.4	39.2	6.7	41.2	7.6
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.4		13.6		13.3	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		5.0		4.9		4.8	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		298.7		304.3		302.7	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		79.6		78.7		80.1	
Bilangan bulan import tertangguh		8.8		9.0		9.0	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.70		2.70		2.70	
Antarabank:	Semalaman	2.70 [2.70]		2.69 [2.70]		2.73 [2.70]	
	Seminggu	2.72 [2.73]		2.71 [2.72]		2.75 [2.72]	
	1 bulan	2.83 [2.83]		2.83 [2.84]		2.87 [2.86]	
	3 bulan	2.86 [2.86]		2.89 [2.88]		2.90 [2.89]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.00	
	3 bulan	3.00		3.00		3.00	
BLR bank perdagangan		5.98		5.98		5.98	
ALR bank perdagangan		5.90		5.91		5.90	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		109.0	3.0	109.7	3.7	109.8	3.4
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		161.4	8.6	166.5	9.0	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Euro		4.5475		4.6027		4.5421	
Paun Sterling		6.5799		6.7605		6.6438	
100 Yen Jepun		3.3414		3.3985		3.3359	
Dolar Singapura		2.2565		2.2395		2.2315	
100 Baht Thailand		8.9757		9.1178		9.1988	
100 Peso Filipina		6.6759		6.7098		6.7262	
100 Rupiah Indonesia		0.0382		0.0346		0.0366	
100 Won Korea		0.3655		0.3648		0.3619	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	1.4		2.0		2.7	
	swasta	-0.5		2.0		4.0	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		937.4		913.6		927.5	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		725.0		706.4		715.4	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.